

# Pegawai Tabung Haji antara terlibat Sindiket 'haji ekspres' dibongkar

Oleh WAN NOOR HAYATI  
WAN ALIAS

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 3 Feb. - Satu sindiket 'haji ekspres' dikesan beroperasi sejak beberapa tahun lalu dengan menawarkan orang ramai melangkau giliran bagi menunaikan ibadat haji.

Difahamkan, sindiket itu turut dianggotai oleh pegawai Lembaga Tabung Haji (TH) dan beberapa bekas kakitangannya.

Kegiatan sindiket itu berjaya dikesan pihak berkuasa pada 2009 apabila mereka dilaporkan meminta suapan bagi membolehkan jemaah haji menunaikan ibadat itu lebih awal daripada jadual.

Setiap jemaah haji dikatakan perlu membayar sejumlah wang kepada ahli sindiket tersebut bagi membolehkan mereka tersenarai sebagai calon yang layak menunaikan haji.

Selain dua pegawai agensi itu, terdapat tiga orang perantara terdiri daripada bekas kakitangan TH yang bertindak sebagai pencari jemaah yang ingin menggunakan khidmat mereka.

Menurut sumber, sindiket terse-

but bergerak di seluruh Malaysia dan dipercayai, ratusan jemaah haji sudah menggunakan khidmat sindiket berkenaan sejak ia mula beroperasi.

Katanya, kegiatan 'haji ekspres' itu dilihat tidak adil bagi orang ramai yang sudah lama menunggu dan mendaftar beberapa tahun kerana giliran mereka 'dicuri' sindiket berkenaan.

"Sebagai contoh, terdapat jemaah haji yang mampu menunaikan ibadat itu sebanyak 12 kali dengan menggunakan khidmat sindiket tersebut.

"Malah, sebahagian daripada jemaah yang menggunakan khidmat sindiket itu baru mendaftar untuk menunaikan haji pada tahun 2010, tapi berjaya 'mencuri' slot jemaah lain yang terlebih dahulu mendaftar daripada mereka," katanya kepada

*Utusan Malaysia* hari ini.

Difahamkan, seorang pegawai di agensi itu telah ditahan pihak berkuasa pada November lalu kerana menggunakan kemahirannya dalam bidang teknologi maklumat (IT) untuk mengubah senarai jemaah haji yang membayar kepada mereka.

Dalang utama sindiket itu yang menguruskan nama-nama jemaah yang tidak layak menunaikan haji supaya dapat menunaikan ibadat itu pada tahun yang sama juga dikatakan sedang diburu.

Difahamkan, pihak berkuasa telah mengambil keterangan puluhan jemaah haji yang pernah menggunakan khidmat sindiket tersebut.

“Kegiatan ‘haji ekspres’ itu dilihat tidak adil bagi orang ramai yang sudah lama menunggu dan mendaftar beberapa tahun sebelum itu kerana giliran mereka ‘dicuri’ sindiket berkenaan

**EKSKLUSIF**